

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**Peperiksaan Semester Pertama**

Sidang 1987/88

**HMT 301 - Morfologi Bahasa Malaysia**

**Tarikh:** 27 Oktober 1987

**Masa:** 9.00 pagi - 12.00 t/hari  
( 3 jam )

Jawab LIMA(5) soalan. SATU(1) daripada Bahagian A, TIGA(3) soalan daripada Bahagian B dan SATU(1) soalan daripada Bahagian C.

**BAHAGIAN A - Pilih SATU(1) soalan sahaja**

1. Bincang keenam-enam prinsip Nida untuk mengenalpasti morfem. Perbincangan anda mesti melibatkan:
  - (a) maksud setiap prinsip termasuk syarat-syaratnya (jika ada).
  - (b) aspek apakah yang ditonjolkan dalam setiap prinsip.
  
2. Tulis nota ringkas untuk:
  - (a) penyebaran saling melengkapi
  - (b) lingkungan taburan fonologi
  - (c) penyampaian taktikal di bawah model IA dan model IP
  - (d) lingkungan terdekat taktikal
  - (e) konsep keterasingan prinsip keenam Nida
  - (f) konstituen terdekat di bawah model IA dan model IP

**BAHAGIAN B - Pilih TIGA(3) soalan sahaja**

3. Bincang empat(4) jenis penggandaan kata nama iaitu penggandaan penuh, penggandaan menyaling, penggandaan konsonan dan penggandaan suku kata dari segi bentuk, makna dan fungsi.

.../2

4. Beza dan banding lima(5) item berikut:
  - (a) kata majmuk endosentrik: kata majmuk eksosentrik
  - (b) peN-...-an : peR-...-an
  - (c) penggetaran : pengglotisan
  - (d) ketransitifan : keergatifan
  - (e) penggolongan kata Zaaba : penggolongan kata Asmah
  - (f) morfem : kata
  - (g) kata majmuk : frasa
  
5. Penerbitan kata kerja mematuhi tiga prinsip yang penting. Dengan menggunakan rajah konstruksi kata kerja, bincangkan ketiga-ketiga prinsip penting tersebut.
  
6. Sering terdengar kecaman terhadap peminjaman istilah-istilah asing atau pun apa-apa sahaja istilah yang berbau asing ke dalam bahasa Malaysia. Pertahankan peminjaman istilah asing dari segi:
  - (a) keberkesanan kaedah ini di dalam menampung keperluan bahasa yang semakin meningkat terutamanya di dalam bidang sains dan teknologi.
  - (b) bagaimana fenomena ini dianggap sebagai fenomena sihat dalam perkembangan peristilahan sesuatu bahasa.
  - (c) langkah-langkah pengawalan untuk menjamin peminjaman yang 'liberal' tetapi 'terkawal'.

**BAHAGIAN C - Pilih SATU(1) soalan sahaja**

7. Pendekatan eklektik dianggap paling 'sesuai' untuk menjamin hasil pembelajaran maksimum di dalam mengajar imbuhan Melayu. Terangkan bagaimana pendekatan ini dapat memenuhi tanggungjawab ini. Ilustrasi jawapan anda dengan memberikan satu contoh situasi pengajaran imbuhan yang menggunakan kaedah tersebut.
  
8. Berikut ini adalah beberapa jenis kesalahan peringkat kata yang sering dilakukan oleh pengguna bahasa. Baiki kesalahan-kesalahan tersebut dan terangkan sebab kesalahan dari segi morfologi:

- . mereka adalah ahli-ahli sains
- . dia tidak hadir lebih dari 70%...
- . benci orang itu...
- . Minah Restoran
- . lain-lain hal
- . bagi membincang beberapa perkara
- . ...percetakan pertama komik setebal 38 muka itu...
- . berhubungan dengan kepanjangan karangan...
- . semua pemohon akan dipanggil untuk temuduga tidak lama lagi
- . semua lukisan habis terjilat api
- . pencuri itu telah dijatuhkan hukuman penjara
- . murid itu tidak menghormati gurunya
- . keamanan yang sedia ada hendaklah dikekalkan dan dipertahankan oleh semua ...

-ooo000ooo-